



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,**
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya
Tel. : **03-8870 0015**
Faks : **03-8870 0908**
E-mel : **komunikasi@sprm.gov.my**
Web : **www.sprm.gov.my**
Twitter : **twitter.com/SPRMMalaysia**
Facebook: **facebook.com/sprm.benci.rasuah**
Blog : **www.ourdifferentview.com**
Youtube : **www.youtube.com/odvmacc**

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

SPRM DAPAT IZIN DAKWA EMPAT INDIVIDU

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mendapat izin mendakwa daripada Pejabat Peguam Negara bagi menuduh isteri bekas Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor dan bekas pegawai khas kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Rizal Mansor di mahkamah esok.

Kedua-duanya akan dituduh berhubung siasatan kes membabitkan projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di sekolah-sekolah di Sarawak pada 15 November 2018, jam 2.30 petang di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Rosmah juga telah dipanggil di Ibu Pejabat SPMR, Putrajaya pada jam 12.00 tengah hari ini bagi melengkapkan proses akhir siasatan dan pendakwaan tersebut.

Sementara itu, dalam kes berasingan, SPMR telah menahan bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berhubung siasatan kes penjualan tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pada jam 3.25 petang di Ibu Pejabat SPMR Putrajaya, hari ini.

Tengku Adnan akan dituduh bersama seorang ahli perniagaan, Datuk Tan Eng Boon di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada tarikh dan waktu yang sama esok, setelah mendapat izin mendakwa daripada Pejabat Peguam Negara.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PUTRAJAYA**

14 NOVEMBER 2018

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPMR 2009 (Akta 694D) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketulusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPMR. SPMR turut disokong oleh mekanisme check and balance dalam memastikan SPMR bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).

RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA